



Early Application of the Environment from the Aspects of Knowledge and Attitude Towards the Formation of Student Safe Behavior

Rajap Matusin and Mohd Khairuddin Abdullah

EasyChair preprints are intended for rapid dissemination of research results and are integrated with the rest of EasyChair.

May 10, 2022

PENERAPAN AWAL PERSEKITARAN DARI ASPEK PENGETAHUAN DAN SIKAP TERHADAP PEMBENTUKAN TINGKAH LAKU SELAMAT MURID

Rajap bin Matusin¹, Mohd Khairuddin @Jerry bin Abdullah²

¹*Universiti Malaysia Sabah; rajapmatusin@gmail.com*

²*Universiti Malaysia Sabah; khair@ums.edu.my*

Abstrak: Kertas konsep ini membincangkan penglibatan faktor persekitaran sekolah dalam menangani isu keselamatan berkonsepkan pembentukan tingkah laku selamat di peringkat awal murid. Bertitik tolak atas penelitian kepada kecenderungan perilaku orang dewasa melakukan kesalahan tindakan tingkah laku, kajian ini akan meninjau sejauh mana sokongan lingkungan persekitaran murid dari aspek budaya persekitaran sekolah dalam penyediaan penyesuaian tingkah laku keselamatan. Penyerapan unsur pengetahuan dan sikap terhadap perubahan tingkah laku bermula di peringkat awal murid dijangka akan menjadi sebahagian pengalaman individu dan dikekalkan di sepanjang kehidupan mereka. Berasaskan penaakulan ke hadapan dengan pertimbangan kepada teori terhadap hubungan intervensi konstruk-konstruk kepada aspek utama, pembentukan awal tingkah laku keselamatan ini dijangka secara langsung memberi kesan timbal balik kepada pemutusan rantaian kecenderungan kesalahan tindakan tingkah laku individu persekitaran sosial. Tahap penguasaan pengetahuan dan sikap murid yang digeneralisasikan kepada tingkah laku dijadikan indikator sejauh mana aspek ini diterapkan semasa mereka di peringkat sekolah rendah. Bagi tujuan tersebut, seramai 291 murid tingkatan dua dari lapan buah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Labuan dipilih secara rawak mudah untuk dijadikan sampel dalam kajian ini.

Kata Kunci: Persekitaran, pengetahuan, sikap, pembentukan tingkah laku selamat

Abstract: This concept paper discusses the involvement of school environment factors in addressing safety issues with the concept of the formation of safe behaviors in the early stages of students. Based on the study of the tendency of adults to commit behavioral offenses, this study will examine the extent of environmental support of students from the cultural aspects of the school environment in the provision of safety behavior adjustment. The absorption of elements of knowledge and attitudes towards behavior change beginning in the early stages of students is expected to be part of the individual experience and maintained throughout their lives. Based on inductive reasoning with a theoretical consideration of the relationship of intervention-constructs to key aspects, the early formation of these safety behaviors is expected to directly have a reciprocal effect on breaking the chain of error tendencies of individual social environment behaviors. The level of mastery of knowledge and attitudes of students generalized to behavior is used as an indicator of the extent to which these aspects are applied during their time in primary school. For that purpose, a total of 291 form two students from eight secondary schools in the Federal Territory of Labuan were selected at random to be sampled in this study.

Keywords: Environment, knowledge, attitude, formation of safe behavior

Pengenalan

Kerajaan Malaysia sentiasa komited dalam menangani isu keselamatan dengan memberi keutamaan kepada penambahbaikan sistem keselamatan. Bagi mencapai hasrat kerajaan memperkasakan aspek keselamatan yang sentiasa berhadapan dengan kepesatan perubahan teknologi, sosial dan fenomena global masa kini, pengurusan faktor tingkah laku tidak selamat yang dikatakan penyebab kritikal kepada keadaan berisiko (Heinrich et al., 1980), perlu ditangani dengan lebih serius dan bersifat komprehensif dari pelbagai pihak. Merujuk kepada Model *'The Safety Triad'* Geller (2001) dan meneliti beberapa kajian yang telah dijalankan menunjukkan bukti-bukti kukuh yang menyokong hujah-hujah bahawa faktor pengetahuan dan sikap mempunyai hubungan positif terhadap tingkah laku.

Idea kertas konsep ini berdasarkan pemerhatian penyelidik terhadap kecenderungan individu melakukan pelbagai kesalahan tindakan tingkah laku dan hubungan kepada beberapa situasi rentetan peristiwa sebab-akibat kemalangan yang digambarkan melalui ilustrasi domino oleh Heinrich (1941). Usaha menjejaki hubungan penyebab ini harus dilakukan kerana tingkah laku merupakan satu peristiwa dari kombinasi beberapa keadaan yang berlaku. Penemuan titik mula kepada punca permasalahan dijangka akan memberi kesan timbal balik kepada keseluruhan sistem ekologi dalam pemutusan rantaian tingkah laku tidak selamat. Pengkaji berpendapat pencarian 'penyebab' ini mempunyai perkaitan kepada teori ekologi Bronfenbrenner dan Morris (2006) dan hubungannya kepada teori perkembangan kanak-kanak Havighurst (1967) bagi memahami konsep pembentukan tingkah laku awal murid serta kepentingannya. Untuk tujuan keperluan kertas konsep ini, penyelidik hanya meninjau secara umum Program Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) untuk dijadikan sebahagian daripada isu permasalahan yang diutarakan seterusnya akan dijadikan asas perbincangan pada peringkat kajian penyelidikan yang akan dijalankan kemudian.

Isu Kepada Pembentukan Tingkah Laku Selamat

Sejak sekian lama Kementerian Pendidikan Malaysia telah berhasrat memperkukuhkan aspek keselamatan dengan melakukan pelbagai inisiatif dan mengambil langkah pro-aktif. Bermula pada 9 Jun 2008 Program PKJR telah dilaksanakan secara menyeluruh kepada murid-murid Tahun 1 (Panduan Pelaksanaan PKJR, 2016). Pelan Keselamatan Jalan Raya 2006 – 2010 telah dirangka khusus untuk dijadikan garis panduan dan hala tuju mengenai dasar, sasaran dan program keselamatan jalan raya di Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9). Selain itu, penggubalan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah dilakukan melalui Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSPK, 2015) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) disemak semula bagi memenuhi dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (DSPK, 2015). Ini bertujuan bagi memperkukuhkan aspek keselamatan dan kesihatan setanding dengan piawaian antarabangsa yang dilaksanakan sebagai elemen merentas kurikulum.


Antara intipati pelaksanaan program PKJR diwujudkan adalah untuk memperlengkapkan diri murid dengan ilmu pengetahuan dan sikap keselamatan secukupnya. Program pendidikan jalan raya direka khas di sekolah merangkumi program pendidikan amalan keselamatan lalu lintas dari seawal sekolah rendah hingga ke sekolah menengah agar keselamatan jalan raya diharapkan menjadi pemangkin kepada budaya dan amalan setiap individu di Malaysia. Mengambil kira pelaksanaan

Program PKJR yang bermula pada tahun 2008, dianggarkan murid tahun 1 pada ketika itu telah mencapai umur antara 18 - 22 tahun pada ketika ini. Namun berdasarkan laporan *Global Status Report on Road Safety* (2018), Malaysia merupakan negara ketiga di Asia yang merekodkan kemalangan maut jalan raya (WHO, 2018) perlu diberi perhatian. Manakala dapatan kajian Nur Humairah et. al. (2020) membuktikan tahap keselamatan pelajar berjalan kaki ke sekolah masih berada pada tahap tidak memuaskan. Selain itu, berdasarkan statistik kecederaan kemalangan mengikut kategori dan kumpulan umur di Malaysia bagi tahun 2017, jumlah keseluruhan kemalangan berdasarkan kematian, cedera parah atau ringan yang melibatkan belia adalah tinggi iaitu sebanyak 10,318 kes (IYRES 2017). Malahan dalam kajian Noorasikin et. al. (2018) juga mendapati beberapa insiden yang melibatkan pelajar berlaku di persekitaran sekolah yang mengakibatkan kecederaan dan kemalangan jiwa, di mana antara kemalangan seperti dihempap palang gol, terlanggar tiang gol, terkena lontaran peluru dan terjatuh di dalam tangki najis.

Berhadapan wabak *COVID-19*, kempen secara besar-besaran dilakukan mengenai bahaya wabak tersebut kepada seluruh penduduk Malaysia. Namun, dalam Sidang Media Harian 7 Jun 2020 Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob Menteri Kanan (Keselamatan) ketika itu menyatakan hanya sekitar 2 bulan (sehingga 02 Mei 2020), sebanyak 23,680 tangkapan terhadap individu ke atas pelbagai pelanggaran telah direkodkan. Kejadian ini menggambarkan masih wujud kepincangan terhadap penghayatan individu kepada pentingnya tingkah laku selamat. Oleh itu, pengenalpastian kepada faktor ini bagi membangunkan pendekatan bersesuaian kepada penjajaran tingkah laku selamat dalam merapatkan jurang ketidakstabilan aspek keselamatan perlu dilakukan. Hakikatnya sejauh mana latihan, peraturan dan undang-undang yang disediakan, usaha menangani isu keselamatan ini akan berhadapan kesukaran jika individu tidak memiliki tingkah laku positif untuk menerima perubahan.

Kerangka Konseptual / Kerangka Teori

Kertas konsep berasaskan kepada pemerhatian tingkah laku semasa dan dengan meneliti beberapa teori yang didapati mempunyai hubungan terhadap isu keselamatan. Berdasarkan penelitian yang mengacu kepada Teori Perkembangan Kanak-kanak Robert Havighurst (1967), Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979), Model *The Safety Triad* (Geller, 2001) dan *Domino Model of Accident Causation* (Heinrich, 1941) dikenalpasti mempunyai hubungan terhadap isu keselamatan dijadikan rujukan dan digambarkan seperti Rajah 1.



Rajah 1: Kerangka konseptual

Kerangka konsep yang dibina ini memberi gambaran bagi mengenalpasti pengaruh persekitaran yang menumpukan penerapan unsur pengetahuan dan sikap dalam membina tingkah laku selamat bermula peringkat awal murid. Merujuk teori dan model yang diteliti penyelidik telah mengenal pasti elemen-elemen yang berpengaruh terhadap tingkah laku penyebab keadaan berisiko. Namun begitu, penyelidik memfokuskan hanya kepada elemen pengetahuan dan sikap keselamatan yang merujuk Model *The Safety Triad* (Geller, 2001) sebagai faktor dalam individu. Dalam konteks kajian ini, *Domino Model of Accident Causation* (Heinrich, 1941) telah dijadikan sebagai teori utama memandangkan kajian yang akan dijalankan berkaitan dengan isu kesalahan tingkah laku manusia penyebab kritikal kepada keadaan berisiko.

Berdasarkan kepada Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979), perkembangan kanak-kanak dipengaruhi faktor lingkungan persekitaran. Teori tambahan turut disertakan dalam kertas konsep ini bagi menyokong pandangan terhadap hubungan pembentukan tingkah laku dan keperluannya di peringkat awal fasa perkembangan manusia (Havighurst, 1967). Teori ini mentafsirkan implikasi kegagalan dalam fasa-fasa perkembangan kanak-kanak akan menjadi ancaman dan menyebabkan kesukaran semasa mereka berada di peringkat seterusnya. Melalui penaakulan ke hadapan (*inductive reasoning*), pembentukan awal murid ini berupaya membentuk tingkah laku keselamatan individu dan kesannya terhadap pemutusan kesalahan tindakan tingkah laku tidak selamat secara menyeluruh hasil timbal balik positif.

Kerangka konsep dalam kertas konsep ini secara umum mempunyai tiga komponen utama iaitu input, proses dan output. Komponen input; memfokuskan kepada faktor yang dikenalpasti boleh mempengaruhi penyesuaian tingkah laku murid daripada lingkungan persekitaran sekolah rendah di Wilayah Persekutuan Labuan. Komponen proses; meliputi aktiviti penyesuaian faktor pengetahuan dan sikap kepada pembentukan tingkah laku keselamatan positif yang dilaksanakan persekitaran sekolah untuk dianalisis ke atas tahap kesan proses penyesuaian tingkah laku murid, manakala komponen output; adalah hasil perubahan tingkah laku selamat murid yang diinginkan dalam menghindari kemalangan dan kecederaan serta memberi kesan terhadap pemutusan kesalahan tindakan tingkah laku tidak selamat secara menyeluruh melalui proses timbal balik positif.

Kepentingan Pembentukan Tingkah Laku Selamat Persekitaran Sekolah

Meneliti kepada permasalahan kesalahan tindakan tingkah laku penyebab kritikal kepada keadaan berisiko, kertas konsep ini berpotensi untuk dijadikan asas penerokaan yang lebih luas bagi menemukan strategi dan pendekatan bersesuaian yang berupaya menghasilkan perubahan tingkah laku selamat pada skala besar. Merujuk kepada teori perkembangan manusia (Havighurst, 1967) yang menyatakan kegagalan dalam fasa-fasa perkembangan kanak-kanak menjadi ancaman serta menghadapi kesukaran apabila mereka berada di peringkat seterusnya dirujuk kepada hubungannya terhadap pengaruh persekitaran (Bronfenbrenner, 1979) dalam pembentukan tingkah laku selamat melalui penerapan pengetahuan dan sikap sebagai faktor individu (Geller, 2001). Konsep ini menekankan kepada pembinaan tingkah laku selamat yang diserap ke dalam diri individu dengan mengambilkira faktor jangka masa keberadaannya.

Berasaskan penaaakuan ke hadapan (*inductive reasoning*), pembentukan awal murid yang dilengkapi pengetahuan dan sikap keselamatan akan mewujudkan keupayaan ingatan kembali sebagai motivasi kepada pematuhan dan sifat penerimaan perubahan individu kepada tingkah laku keselamatan. Unsur sikap kepedulian secara aktif dalam proses pembentukan tingkah laku ini secara langsung memberi kesan timbal balik kepada pemutusan kesalahan tindakan tingkah laku tidak selamat secara menyeluruh. Pemahaman mengenai konsep ini boleh dijadikan panduan untuk menyediakan satu rangka tatacara dan pengurusan keselamatan yang bersesuaian dengan suasana organisasi bagi menghasilkan penjaanaan generasi berpengetahuan yang memiliki sikap positif dalam mengamalkan tingkah laku selamat.

Konsep Tingkah Laku


Berasaskan sebahagian teori dan model yang telah dibincangkan, didapati umumnya perkembangan tingkah laku terbentuk melalui urutan peringkat perkembangan manusia dan membawa keseluruhan sahsiah seseorang secara semula jadi. Dari pelbagai pandangan pengkaji sebelum ini menunjukkan proses perubahan perkembangan yang membentuk tingkah laku ini bersifat berterusan sehinggalah ke akhir hayat walaupun mungkin terdapat perbezaan kadar perkembangan setiap kanak-kanak.

Hasmadi Hassan (2012) menyifatkan perubahan tingkah laku sebagai pengaliran yang saling berkait di antara perubahan secara kuantitatif dan kualitatif kepada arah tertentu. Malah, Gesell (1949) menyatakan bahawa walaupun tidak ada dua individu yang serupa, namun secara keseluruhannya semua kanak-kanak yang normal cenderung mengikut susunan fasa perkembangan manusia. Menurut Erikson (1956), di dalam setiap peringkat timbulnya tingkah laku positif dan negatif yang membawa masalah penyesuaian psikologikal dan tingkah laku seseorang adalah tindak balas kepada rangsangan persekitaran yang boleh diperhati, diukur dan dinilai (Bandura, 2000), maka pemeliharaan yang mengambil kira hasil perkaitan pengaruh persekitaran dan fasa perkembangan kanak-kanak akan menghasilkan perubahan tingkah laku seseorang individu dapat ditentukan.

Pembentukan Tingkah Laku Keselamatan


Perubahan zaman mempengaruhi cara berfikir dan bertindak menangani isu keselamatan ini dengan mengamalkan pendekatan yang menumpukan pengurusan tingkah laku selamat secara lebih komprehensif. Perihal ini terkandung dalam falsafah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam menangani isu berkaitan risiko kemalangan abad ke-21 harus lebih bersifat komprehensif (AKKP, 1994). Peringkat perkembangan kanak-kanak seharusnya diberi tumpuan dan tidak hanya berfokus kepada keselamatan pekerjaan dan kesihatan di peringkat individu dewasa sahaja. Dalam konteks ini, pengetahuan dan sikap ditumpukan kepada ciri-ciri asas individu di samping faktor tingkah laku dan persekitaran yang terkandung dalam model *The Safety Triad* (Geller, 2001) turut diberi tumpuan.

Model *The Safety Triad* (Geller, 2001) dalam Rajah 2 menyatakan ketiga faktor saling mempengaruhi antara satu dengan yang lain dalam proses pencapaian budaya keselamatan dan perubahan salah satu faktor tersebut akan merubah faktor yang lain namun Geller (2001) mendapati bahawa faktor tingkah laku dan faktor individu merupakan aspek manusia yang biasanya diberi perhatian lebih berbanding faktor persekitaran.




Rajah 2: *The Safety Triad* (Geller, 2001)

Model *The Safety Triad* (Geller, 2001) menunjukkan faktor persekitaran dirujuk kepada peralatan, set peraturan dan lain-lain yang bersifat objek, namun perihal ini juga masih melibatkan pengurusan manusia. Oleh itu, pengkaji cuba melakukan penyesuaian dengan menjejaki 'sebab' dan 'kerahsiaan' yang ditinggalkan oleh Heinrich (1941) kepada penyebab kesilapan tingkah laku manusia dari beberapa kombinasi keadaan yang digambarkan dalam *Domino Model of Accident Causation* (Heinrich, 1941) seperti dalam Rajah 3 di bawah.



Rajah 3: *Heinrich's Domino Model of Accident Causation* (1941)

Situasi urutan dalam *Heinrich's Domino Model of Accident Causation* (1941) ini jelas memberi isyarat kepada titik mula punca permasalahan tingkah laku penyebab kemalangan. Untuk itu, pengkaji cuba menarik garis faktor persekitaran yang dicadangkan dalam Model *The Safety Triad* (Geller, 2001) kepada pengaruh persekitaran lingkungan kanak-kanak yang disandarkan kepada Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) seperti dalam Rajah 4.



Rajah 4: Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979)

Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) menjelaskan terdapat lima sistem yang digariskan dalam mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak atau mana-mana individu hasil interaksi persekitaran. Lima sistem tersebut ialah *microsystem*, *mesosystem*, *exosystem*, *macrosystem* dan *chronosystem*. Menurut prinsip *mesosystem* dalam Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979), hubungan tindak balas *microsystem* konteks konsep ini antaranya memfokuskan persekitaran sekolah yang dilibatkan sebagai peranan penting dalam mempengaruhi psikologi perubahan tingkah laku selamat peringkat awal murid. Penyerapan unsur pengetahuan dan sikap diyakini akan bertindak kepada perubahan tingkah laku selamat peringkat awal ini bagi mewujudkan potensi dorongan dalaman yang didasari pengalaman lampau kepada tindakan tingkah laku selamat individu sepanjang kehidupannya.

Pengaruh Persekitaran Terhadap Pembentukan Tingkah Laku Selamat

Keupayaan persekitaran dalam membentuk tingkah laku kanak-kanak dari konteks mempengaruhi yang lebih luas serta kesan dalam pelbagai isu secara langsung atau tidak langsung yang terlibat dalam pembentukan tingkah laku selamat harus diberi keutamaan. Zaman kanak-kanak adalah masa yang sangat penting dalam kehidupan seseorang kerana menurut Zanariah & Kamarul (2017), tahun-tahun awal kehidupan kanak-kanak merupakan tettingkap yang menjadi peluang untuk merangka pembelajaran sepanjang hayat. Namun kajian Zanariah & Kamarul (2017) mendapati masalah penyesuaian tingkah laku kanak-kanak dengan majoriti 62.6% berada pada tahap rendah, 37.4% berada pada tahap sederhana dan tiada kanak-kanak yang berada pada tahap tinggi. Manakala, hasil kajian Humairah (2020) juga mendapati tahap keselamatan pejalan kaki dalam kalangan pelajar menunjukkan tingkah laku pelajar, tingkah laku pengguna jalan raya, kemudahan pejalan kaki dan persekitaran berada pada tahap tidak memuaskan. Walaupun kajian Pubalan (2018) terhadap pengurusan keselamatan primer oleh Guru Besar SJKT dan SJKC berada pada tahap yang tinggi dengan dapatan min 3.56 bagi SJKT dan min 4.24 bagi SJKC, tetapi masih wujud perbezaan antara tahap pengurusan keselamatan sekolah rendah SJKT dengan SJKC.

Bronfenbrenner (1979) menyatakan faktor persekitaran memainkan peranan dalam mempengaruhi tahap perkembangan kanak-kanak. Menurut Guo et. al. (2016), penglibatan keselamatan dan sokongan sosial dalam mempengaruhi tingkah laku selamat mempunyai hubungan yang positif. Ben-Arieh et. al. (2009) turut menyatakan bahawa pembelajaran keselamatan dapat disalurkan melalui pembelajaran tidak formal oleh ibu bapa di rumah, komuniti masyarakat dan saluran formal di sekolah oleh guru. Mengambil kira proses perubahan perkembangan tingkah laku melalui fasa-fasa perkembangan manusia yang saling berkait dengan pertambahan jangka masa, pengaruh guru yang terlibat secara langsung adalah utama dan amat penting dalam proses pembentukan awal anak-anak di bawah didikannya. Pengaruh guru yang meliputi pendekatan, strategi dan corak tatacara mereka di sekolah akan berupaya mempengaruhi perubahan dan tahap perbezaan perkembangan tingkah laku selamat murid.

Walaupun tidak dinafikan pengaruh persekitaran keluarga sangat penting dalam pembentukan tingkah laku kanak-kanak di bawah jagaannya sebagai mana pernyataan Johari Talib (2007), bahawa pengaruh ibu bapa mungkin lebih kuat kerana jumlah jam kanak-kanak berada di rumah adalah lebih panjang dari jumlah jam kanak-kanak berada di sekolah. Namun, kadangkala ibu bapa tidak mampu melaksanakan pembentukan tingkah laku keselamatan anak-anak disebabkan faktor-faktor di luar kawalan mereka. Maka pengkaji menumpukan kepada pengaruh persekitaran sekolah dan dalam melaksanakan penyesuaian faktor pengetahuan dan sikap terhadap pembentukan tingkah laku selamat murid peringkat awal.

Selain itu, hasil beberapa kajian antaranya Noorasikin et al. (2018); Ismail et. al. (2015) dan Sambasivam et. al. (2017) mendapati komitmen keselamatan dan amalan pengurusan keselamatan di sekolah masih di tahap rendah dan perlu dijalankan secara berterusan. Manakala kesedaran terhadap keselamatan perlu ditanam kepada pelajar supaya amalan keselamatan di sekolah seterusnya dapat diamalkan setelah memasuki alam pekerjaan (Azhar, 2008). Selain itu, Kane et. al. (2016) dan Thompson (2011), melalui pengalaman diwariskan dari budaya dan iklim keselamatan sekolah positif secara berterusan paling berharga dan sangat berkesan kepada kehidupan seharian mereka dalam mempromosikan pencegahan risiko. Oleh itu persekitaran sekolah diberi tumpuan dalam konteks kertas

konsep ini kerana dijangka akan mampu melakukan perubahan tingkah laku murid jika dilaksanakan pada tahap maksimum berasaskan kemampuan intelek dan pendekatan yang lebih sistematik.

Hubungan Pengetahuan Dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Selamat

Setiap manusia mempunyai tahap pengetahuan yang berbeza. Hubungan faktor pengetahuan terhadap tingkah laku keselamatan ini amat penting, sehingga domain kesalahan berasaskan pengetahuan diklasifikasikan sebagai kesalahan manusia penyebab kemalangan dalam Teori Rasmussen (2003). Memahami perbezaan pengetahuan ini begitu penting dalam proses menerapkan unsur pengetahuan kepada perubahan tingkah laku seseorang, di mana Widowati *et al.* (2018) mengatakan semakin tinggi tahap pengetahuan seseorang, semakin tinggi kemampuan individu dalam menilai bahan atau objek sebagai asas tindakan mereka. Risiko bahaya biasanya dapat diperhatikan, namun tindakan tingkah laku yang selamat mungkin tidak dapat diwujudkan dengan tepat dalam membuat keputusan bertindak semasa berhadapan sebarang risiko jika tidak memiliki pengetahuan. Faktor pengetahuan ditekankan dalam kertas konsep ini bertujuan membentuk persepsi, konsep, daya ingatan melibatkan kefungsiannya faktor kognitif yang sentiasa berubah pada fasa perkembangan kanak-kanak dalam menjana kebolehan menaakul, berfikir dan bertindak secara rasional terhadap tindakan tingkah laku selamat.

Sikap terhadap tingkah laku amat berkait rapat yang memberi kesan positif ke atas prestasi keselamatan individu. Glendon *et. al.* (2006); Haynes *et. al.* (2011) mengatakan perihal yang sama bahawa sikap memberi kesan terhadap tingkah laku seseorang yang disifatkan saling mempengaruhi dan melengkapkan. Menurut Heinrich *et. al.* (1980), kegagalan manusia yang menjadi punca kelalaian atau kecuaiannya penyebab kemalangan adalah disebabkan faktor sikap. Faktor sikap ini amat penting pada seseorang individu, sehinggakan Geller (2001) menjadikan sikap antara salah satu unsur penting kepada komponen faktor dalaman individu dan Rasmussen (2003) mengklasifikasikan sikap sebagai kesalahan manusia penyebab kemalangan. Sikap merupakan sesuatu yang kompleks, kerana menurut taksonomi Bloom (1956), persepsi, emosi, kepercayaan dan nilai yang mewakili sikap seseorang dalam domain afektif sukar untuk diukur sehingga dipamerkan sebagai tingkah laku. Oleh itu, pembentukan sikap seorang murid merupakan sesuatu yang dianggap rumit kerana ianya sukar untuk diukur sehingga tingkah laku dipamerkan.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, antaranya kajian Zheng *et. al.* (2018) menyatakan sikap merupakan proses psikologi yang kompleks dan cenderung untuk membentuk persepsi, emosi dan tingkah laku. Manakala Zafir & Maran (2019) menyatakan bahawa sikap merupakan pemboleh ubah paling kritikal sebagai penyebab utama kemalangan dan kecederaan di tempat kerja. Tanpa sikap positif, seseorang yang memiliki kemahiran tinggi mungkin mengabaikan prosedur standard dan akhirnya mengundang kemalangan. Selain sikap, pengetahuan terhadap tingkah laku ini juga dikaitkan oleh Diaz-Quijano *et. al.* (2018) bahawa kanak-kanak yang mempunyai pengetahuan yang baik akan mempunyai kecenderungan untuk tingkah laku yang lebih baik. Situasi ini menunjukkan wujud perkaitan terhadap ketinggian sikap dan pengetahuan keselamatan mempengaruhi tingkah laku selamat yang baik. Oleh itu, penekanan tanggapan kepada pentingnya pengetahuan dan sikap adalah signifikan kepada tahap keselamatan sebenar perlu diterapkan pada peringkat awal murid.

Kesimpulan

Pembentukan tingkah laku peringkat awal murid ini dianggap penting atas pertimbangan kepada pengaruh jangka masa tingkah laku selamat itu berada di dalam diri individu (*internalization*) yang membentuk perubahan tingkah laku positif dan menjadikannya sebahagian cara hidup seseorang. Teori pembelajaran konstruktivisme Jean Piaget (1954) menyatakan perubahan tingkah laku adalah akibat pengalaman individu itu sendiri dan secara langsung telah memiliki motivasi atau dorongan dalaman daripada pengalaman lepas melalui rangsangan persekitarannya. Maka kertas konsep ini memfokuskan kepada usaha persekitaran sekolah dalam memainkan peranan yang sangat penting bagi mempengaruhi tingkah laku selamat murid peringkat awal diberi tumpuan.

Bagaimanapun pembentukan tingkah laku merupakan suatu proses kompleks, sehinggakan Keiler (2007) dalam kajiannya mencadangkan para guru untuk memahami secara menyeluruh pengetahuan sebenar pelajar bagi menyesuaikan pengajaran dan pembelajaran. Guru seharusnya bukan sahaja menerapkan pematuhan kepada peraturan, undang-undang dan prosedur keselamatan, sebaliknya konsep pengetahuan dan sikap keselamatan seharusnya dikembangkan kepada penetapan pencapaian matlamat yang lebih tinggi dan spesifik. Oleh itu penyusunan kepada aktiviti yang sesuai diberi penekanan agar penerapan itu berhasil disempurnakan dengan berkesan. Pendekatan afektif dalam proses menghasilkan pelbagai nilai pengetahuan dan sikap positif serta berupaya dikuasai oleh murid harus dikenalpasti. Akhirnya, hasil pemerolehan nilai positif yang tertanam pada diri murid dijangka akan menyumbang kepada pemutusan rantaian kesalahan tindakan tingkah laku sebagai penyebab kepada kemalangan atau keadaan berisiko.

Rujukan

- Bandura, A., 1986, *Social foundations of thought and action: A social cognitive theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Bandura, A., 2000, Exercise of Human Agency Through Collective Efficacy. *Current Directions in Psychological Science*. 9(3), pp. 75-78.
- Ben-Arieh, A., McDonell, J., & Attar-Schwartz, S., 2009, Safety and Home-School Relations as Indicators of Children Well Being: Whose Perspective Counts? *Social Indicators Research*, 90(3), pp.339-349.
- Bloom, Benjamin, S., Engelhart, Max, D., Furst, Edward, J., Hill, Walker, H., & Krathwohl, David, R., 1956, *Taxonomy of Educational Objectives: The Classification of Educational Goals: Handbook 1: Cognitive Domain*. New York: David McKay.
- Bronfenbrenner, U., 1979, *The Ecology of Human Development*. Cambridge, MA: Harvard University.
- Bronfenbrenner, U., and Morris, A., 2006, *The bioecological model of human development*. Handbook of Child Psychology.
- Diaz-Quijano, F.A., Martinez-Vega, R.A., Rodrigues-Morales, A.J., Rojas-Calero, R.A., Luna-Gonzales, M.L., & Diaz-Quijano, R.G. 2018. Association Between the Level of Education and Knowledge, Attitudes and Practices Regarding Dengue in the Caribbean Region of Colombia. *BMC Public Health*, 18(1), pp.143.
- Erikson, E. H. 1956. The problem of ego identity. *Journal of the American Psychoanalytic Association*, 4, 56–121. <https://doi.org/10.1177/000306515600400104>
- Geller, E Scott., 2001, *The Psychology of Safety Handbook*. New York: Lewis Publishers.
- Gesell, A., 1949, The developmental aspect of child vision. *The Journal of Pediatrics*, 35, pp. 310–317.
- Glendon, A. I., Clarke, S., & McKenna, E., 2006, *Human Safety and Risk Management (2nd Ed.)*. CRC Press. DOI: <https://doi.org/10.1202/9781420004687>
- Global status report on road safety, 2018, *World Health Organization*. ISBN 978-92-4-156568-4. France
- Guo, B. H. W., Yiu, T. W., & González, V. A., 2016, Predicting safety behavior in the construction industry: Development and test of an integrative model. *Safety Science*, 84, pp. 1–11. <http://doi.org/10.1016/j.ssci.2015.11.020>
- Hasmedi Hassan, 2012, *Peringkat Perkembangan Konsep Kendiri Mengikut Pandangan Erikson Dan Peranan Perkembangan Kognitif Dalam Pembentukan Konsep Kendiri*. Publisher Universiti Teknologi Malaysia
- Havighurst, R. J., 1967, *Liberal Education and Categories of Pupils*. *Journal of Teacher Education*. 1967;18(2), pp. 159-172. doi:10.1177/002248716701800208
- Haynes, S., O'Brien, W. & Kaholokula, J., 2011, *Behavioral Assessment and Case Formulation*. John Wiley & Sons. ISBN: 978-1-118-01864-4
- Heinrich, H. W., 1941, *Industrial Accident Prevention*. McGraw-hill Book Company Inc., New York and London.
- Heinrich, H.W., Petersen, D., Roos, N., 1980, *Industrial Accident Prevention: A Safety Management Approach*. In *Principles of Accident Prevention, 5th ed.*; McGraw-Hill: New York, NY, USA.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), 2017, *Statistik Kecelakaan Mengikut Kategori & Kumpulan Umur di Malaysia bagi Tahun 2016 & 2017*. Dipetik dari <https://ydata.iyres.gov.my/iyresbankdataV2/www/index.php?r=pub/home/readcontent4&id=114> pada 2 Disember 2020.

- Noorasikin, Ismail, Zainal, Zainudin, & Halijah Ibrahim, 2018, Komitmen Terhadap Keselamatan Aktiviti Luar Dan Berisiko dalam Pendidikan. *Sains Humanika*. Penerbit UTM Press.
- Ismail, R., Ghazalli, M.N & Ibrahim. N., 2015, Not all developmental assets can predict negative mental health outcomes of disadvantaged youth: A case of suburban Kuala Lumpur. *Mediterranean Journal of Social Sciences* 6 (5), pp. 452-461.
- Kane, L., Hoff, N., Cathcart, A., Heifner, A., Palmon, S. & Peterson, R. L., 2016, *School Climate and Culture*. Strategy brief. Lincoln, NE: Student Engagement Project, University of Nebraska-Lincoln and the Nebraska Department of Education <http://www.k12engagement.unl.edu/school-climate-and-culture>.
- Keiler, L. S., 2007, Students Explanations of their Data Handling: Implication for Transfer of Learning. *International Journal of Science Education*. 29(2), pp. 151-172.
- Nur Humairah Kamarudin, Mazdi Marzuki, Rosmiza M.Z. & Jabil Mapjabil, 2020, Tahap keselamatan pejalan kaki untuk perjalanan ke sekolah. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 16 issue 4, pp. 197-212. e-ISSN 2682-7727. <https://doi.org/10.17576/geo-2020-1604-14>.
- Panduan Pelaksanaan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya, 2016, *Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia*. Terbitan Mac 2016. ISBN: 978-967-420-098-5
- Peruntukan Utama Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994, Penerbitan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994.
- Piaget, J., 1954, *The construction of reality in the child*. New York: Basic Books, 1954.
- Pubalan Ramachandran, 2018, Pengurusan Keselamatan Sekolah Rendah di Kuala Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, Bil. 5, Isu 4. Fakulti Pendidikan: Universiti Malaya.
- Pusat Perkembangan Kurikulum, 2015, *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Satu*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rasmussen, J., 2003, The role of error in organizing behaviour. *Quality and Safety in Health Care*, 12(5), pp. 377-383. <https://doi.org/10.1136/qhc.12.5.377>
- Sambasivam, S. S., Karupiah, K., Subramaniam, K., Praveena, SM., & Abidin, EZ., 2017, Potential safety risks in schools: Ensuring the safety of our precious ones. *Annals of Tropical Medicine and Public Health*; 10(3), pp. 580-585. DOI:10.4103/ATMPH_81_17
- Thompson, P., 2011, The Trouble with HRM. *Human Resource Management Journal*. Vol. 21, Issue 4, pp. 355-367. <https://doi.org/10.1111/j.1748-8583.2011.00180.x>
- Vygotsky, L.S.C., 1978, Mind in society. *The Development of Higher Psychological Processes*. (New edition, edited by M. Cole, V. John Steiner, S. Scribner and E. Souberman). Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Wodiwati, Evi., Hendriyani, Rulita., Nughroho, Efa., & Qin, Axel, 2018, Children's Safety Education Model through Child-Friendly Games. *Jurnal Kesehatan Masyarakat*. 14, pp. 157-162.
- Zafir Khan Mohamed Makhbul & Maran Kaliannan, 2019, Hubungan Antara Budaya Keselamatan Dan Prestasi Keselamatan Dalam Sektor Perkilangan: Sikap Keselamatan Sebagai Faktor Pengantara. *Journal of social sciences and humanities*. Vol. 16. No.5 (1-13), ISSN: 1823-884x.
- Zanariah Mat Isa & Kamarul Shukri Mat The, 2017, Tahap Penyesuaian Tingkah Laku Kanak-Kanak Tadika Yayasan Islam Terengganu. *Malaysian Online Journal of Education* Vol. 1, No. 1 (2017), pp. 36-44.
- Zheng, Q. J., Xu, A. X., Kong, D. Y., Deng, H. P., & Lin, Q. Q., 2018, Correlation between the environmental knowledge, environmental attitude, and behavioral intention of tourists for ecotourism in China. *Applied Ecology and Environmental Research*, 16(1), pp. 51-62.